

15 MAR 1996

Mahathir-Hakim

MALAYSIA PERLU AMAL UNDANG-UNDANG YANG SESUAI

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu mengamalkan undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang yang sesuai dengan keadaan dan tahap pembangunannya.

Untuk itu, katanya, hakim-hakim negara ini perlu bertindak tegas supaya mereka tidak diperalatkan oleh pihak tertentu.

"Bukanlah niat saya untuk campurtangan dalam urusan kehakiman tetapi kebebasan hakim adalah sama seperti pihak lain, iaitu terhad juga.

"Hakim tidak perlu popular seperti ahli politik yang memerlukan sokongan ramai," katanya ketika merasmikan Persidangan Majlis Hakim-Hakim Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata hakim perlu menjalankan tugas tanpa gentar atau pilih kasih, namun mereka turut tertakluk kepada undang-undang dan tidak boleh menghukum sesuka hati.

"Jika undang-undang menghadkan hukuman kepada sekian sahaja tentulah hakim tidak akan menjatuhkan hukuman melebihi had yang ditentukan," katanya.

Perdana Menteri berkata di sesetengah negara barat konsep keadilan telah banyak berubah, kerana ingin melindungi hak individu, hak masyarakat di ketepikan.

Beliau menarik perhatian kepada pampasan yang ditentukan oleh mahkamah yang kini meningkat begitu tinggi sehingga menimbulkan masalah kepada masyarakat.

"Umpamanya kecederaan pada tubuh badan atau tekanan jiwa kononnya kerana sesuatu kemalangan, ditakrif nilainya berjuta-juta dollar sebagai pampasan.

Mungkin ini dianggap sebagai sikap bertimbang rasa kepada yang menjadi mangsa, tetapi akibatnya premium insurans meningkat berkali ganda dan kos perubatan juga melambung tinggi," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata ini sudah tentu akan membebankan orang miskin yang tidak mampu membayar premium atau kos perubatan yang tinggi.

Bagi Malaysia, katanya, hak individu dan hak majoriti masyarakat perlu diberi pertimbangan yang seimbang.

"Bagi kita inilah keadilan. Sebarang penilaian yang berat sebelah kepada mana-mana pihak, miskin atau kaya, tidak boleh dianggap adil," jelas beliau. -- BERNAMA

FL RON